

**NO. SOALAN : 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD**  
**FAKEH [SABAK BERNAM]**  
**TARIKH : 10.08.2017 (KHAMIS)**

**DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bilangan syarikat yang berjaya ditumpaskan oleh KPDNKK kerana terlibat dengan sindiket skim pelaburan piramid dan berapa jumlah rampasan tunai yang terlibat serta apakah langkah Kerajaan bagi menyekat kegiatan syarikat seumpama ini dari terus wujud di negara ini.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Dari tahun 2012 sehingga Julai 2017, sebanyak **17 tindakan kes** telah dihasilkan di bawah **kesalahan Seksyen 27B, Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993**. Sebanyak **16 syarikat jualan langsung** telah dibatalkan lesen kerana melanggar syarat lesen yang ditetapkan oleh Kementerian ini. Kesalahan di bawah seksyen 27B juga merupakan satu **kesalahan predikat** di bawah **Seksyen 4, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001)**.

Sebanyak **RM 688,000** wang tunai milik syarikat yang menjalankan skim pelaburan piramid telah **disita** di bawah **kesalahan Seksyen 4, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001)** dan **1 tangkapan** ke atas seorang pengasas syarikat telah dibuat atas kesalahan yang sama.

Kementerian juga amat prihatin dan sentiasa meningkatkan penguatkuasaan bagi menjaga kepentingan pengguna agar kes tipu perdaya jualan langsung dan skim piramid tidak terus berlaku. Antara tindakan langkah-langkah pencegahan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian adalah seperti berikut:-

- i) pemantauan secara berterusan terhadap **modus operandi** syarikat-syarikat jualan langsung melalui pengiklanan, media massa, internet, risalah dan sebagainya;
- ii) **pempertingkatkan pemeriksaan** ke atas premis-premis syarikat Jualan Langsung yang berlesen;
- iii) menjalankan **risikan dan penyamaran** ke atas syarikat Jualan Langsung yang disyaki melanggar syarat lesen dan menjalankan perniagaan bercirikan skim piramid;
- iv) **membatalkan lesen** syarikat jualan langsung ke atas syarikat yang didapati melanggar syarat lesen dan menjalankan aktiviti skim piramid.
- v) melaksanakan program **kesedaran pengguna** berkaitan aktiviti penipuan jualan langsung dan skim piramid melalui ceramah, seminar, bengkel, media massa dan edaran risalah.
- vi) **Menetapkan pelbagai kriteria** sebelum sesuatu lesen diluluskan oleh Kementerian. Antara kriteria tersebut adalah seperti berikut:
  - 1) Pelan pemasaran syarikat tidak menjurus ke arah skim piramid;
  - 2) Tiada aduan diterima oleh Kementerian berkaitan salah laku syarikat;
  - 3) Memastikan semua produk yang dipasarkan oleh syarikat telah mendapat kelulusan agensi berkaitan seperti:
    - Kementerian Kesihatan Malaysia bagi produk kesihatan, makanan dan kosmetik;
    - SIRIM dan Suruhanjaya Tenaga bagi produk elektrik atau kelengkapan rumah; dan

- Lain-lain agensi mengikut jenis produk yang dipasarkan.

4) Dokumen yang dikemukakan mestilah lengkap dan sah.